

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

1. Nyatakan bilangan pengguna yang terjejas dengan kenaikan tarif air dan sebabnya penerangan yang kerap tidak diberikan sehingga bil air tambah sekali dua ganda yang menimbulkan keresahan masyarakat umum.
 - (a) Nyatakan tindak balas yang dicadangkan..

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri mengambil maklum dengan keresahan rakyat sejurus selepas pengumuman dan pengebilan bil melalui kadar tarif air yang baharu di mana kadar baharu yang dikuatkuasakan ini akan melibatkan semua kategori pengguna air di Negeri Pulau Pinang. Bagi kategori pengguna domestik, purata kadar tarif domestik Pulau Pinang untuk 35m³ pertama sebulan adalah sebanyak RM0.86 setiap m³ yang akan melibatkan 77.3% pengguna domestik. Kadar purata tarif domestik bagi Negeri Pulau Pinang masih berada di kedudukan antara terendah sekiranya dibandingkan dengan kadar purata tarif domestik negara iaitu RM1.00 setiap m³.
 - (a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengambil inisiatif mengadakan pengumuman dan sidang media secara rasmi bertarikh 7 Februari 2024 bagi menghebahkan kadar tarif air baharu kepada pengguna di negeri Pulau Pinang. Selain itu, PBAPP juga telah mengambil pendekatan awal dengan membuat hebahan melalui pelbagai medium termasuklah melaporkan secara meluas dalam talian, laman *Facebook*, laman sesawang serta iklan akhbar bagi mengumumkan dan menghebahkan kadar tarif air yang baharu

untuk Pulau Pinang sejak pengumuman dibuat oleh pihak Kementerian dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) berkaitan dengan semakan kadar tarif air baharu ini.

Pihak SPAN yang mengendalikan perkara ini juga sebelum ini telah mengadakan penerangan berkaitan dengan keperluan untuk menaikkan kadar tarif baharu dan kaedah penggunaan hasil daripada kadar tarif baharu ini dengan pihak-pihak yang terlibat di negeri Pulau Pinang (pengguna-pengguna domestik dan bukan domestik) sebelum memuktamadkan semakan tarif baharu. Pihak SPAN juga telah mengambil inisiatif membuat hebahan melalui sidang media di dalam radio, akhbar dan media sosial berkenaan semakan tarif air di seluruh negara.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

2. Nyatakan jumlah hasil tambahan ekoran kenaikan tarif air dan jumlah subsidi yang masih kena ditanggung oleh PBAPP untuk mengekalkan tarif air ketiga rendah dalam negara selepas negeri Terengganu dan Perak.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menganggarkan kutipan hasil tambahan setiap tahun khususnya pada tahun 2024 adalah sebanyak RM86 juta dengan pelaksanaan tarif air baharu. Walaupun dengan jumlah peningkatan hasil, PBAPP tetap menanggung subsidi dengan jumlah sebanyak RM116 juta untuk tahun 2023 dan tanggungan subsidi masih berterusan walaupun pelarasan tarif baharu dilaksanakan dengan anggaran sebanyak RM61 juta bagi tahun 2024. Negeri Pulau Pinang juga masih berada di kedudukan kedua rendah dalam negara selepas negeri Terengganu walaupun terdapat kenaikan melalui pelarasan tarif air yang baharu ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

3. Nyatakan tentang kedudukan kewangan PBA Holdings dan PBAPP khususnya kenaikan kos operasi, bilangan pekerja, dan nyatakan imbuhan mereka dengan menyatakan gaji paling tinggi untuk 20 pihak pengurusan yang tertinggi.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kedudukan kewangan PBA Holdings Bhd (PBAHB)/Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) merujuk kepada rekod keuntungan pada tahun 2023 adalah berjumlah RM34 juta. Terdapat peningkatan sebanyak 10% kepada kos operasi dari RM338 juta pada tahun 2022 kepada RM372 juta pada tahun 2023 manakala jumlah peningkatan bilangan pekerja adalah seramai 1,488 pada tahun 2023 berbanding 1,473 pada tahun 2022. Julat kadar gaji imbuhan bagi pihak pengurusan tertinggi adalah di antara RM16,400.00 ke RM60,000.00 sebulan.

PBAHB memilih untuk tidak mendedahkan imbuhan Pengurusan Kanan secara individu mengambil kira sensitiviti, keselamatan dan isu semangat kakitangan. PBAHB juga menganggap maklumat imbuhan kakitangan Pengurusan Kanan adalah sensitif memandangkan persaingan pasaran sumber manusia dan untuk menyokong usaha syarikat dalam mengekalkan bakat eksekutif. Pakej imbuhan Pengurusan Kanan tertakluk kepada semakan dan kelulusan oleh Lembaga Pengarah PBAHB atas pengesyoran Jawatankuasa Perjawatan (NRC). Prestasi Pengurusan Kanan juga dinilai berdasarkan KPI yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah pada setiap tahun.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A(XII))4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

4. Nyatakan jumlah elaun Ahli Lembaga Pengarah PBA Holdings, sama ada ia akan dinaikkan, dan senaraikan elaun paling tinggi untuk lima Ahli Lembaga Pengarah teratas serta rasional pembayaran tinggi ini membawa pulangan yang positif.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Elaun tetap dan mesyuarat akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan sekiranya perlu disemak. Elaun baru yang dicadangkan adalah seperti di jadual di bawah seperti yang telah disiarkan dalam akhbar *The Star* pada 30 April 2024 (*PBAHB Notice of Annual General Meeting*) (M/S17) iaitu jumlah elaun tetap dan mesyuarat bulanan yang dibayar kepada Ahli Lembaga Pengarah PBA Holdings Bhd adalah berdasarkan kepada jadual di bawah:

Elaun	Pengerusi	Timbalan Pengerusi	Pengarah
Elaun Tetap Bulanan	RM3,000	RM1,500	RM1,000 ke RM1,500
Elaun Mesyuarat (setiap mesyuarat)			
(a) Pengerusi	RM300	RM300	RM300
(b) Timbalan Pengerusi	RM300	RM300	RM300
(c) Lembaga Pengarah	RM300	RM300	RM300
Faedah lain yang boleh dituntut	Kos perjalanan dan penginapan untuk perniagaan, komunikasi, perlindungan perubatan dan faedah lain yang boleh dituntut		

Manakala elaun khas bulanan dibayar sebanyak RM47,600 sebulan untuk seorang Ahli Lembaga Pengarah yang terlibat dengan pengurusan syarikat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

5. Sejauh manakah kelangsungan bekalan elektrik di Pulau Pinang dapat dijamin memandangkan kekerapan terputus bekalan elektrik masih berlaku?
- (a) Nyatakan *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) untuk tahun ini berbanding tahun lepas dengan berikan pecahan mengikut kawasan dan puncanya.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa memantau prestasi sistem serta melaksanakan projek-projek Memperkukuhkan Sistem Voltan Tinggi (MSVT) dan Memperkukuhkan Sistem Voltan Rendah (MSVR) di seluruh negeri Pulau Pinang. Untuk tahun 2024, TNB Pulau Pinang telah memperuntukkan sejumlah RM70.0 juta bagi membiayai 230 projek pengukuhan sistem merangkumi pelbagai sistem voltan. Bagi memastikan bekalan dapat disuap balik dengan cepat jika berlaku gangguan bekalan, TNB juga akan melaksanakan projek automasi sistem kawalan penyeliaan dan perolehan data melibatkan 400 pencawang elektrik yang telah dikenal pasti dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM21.0 juta.
- (a) *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) untuk tahun 2023 dan 2024 mengikut kawasan adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

JADUAL 1: INDEKS SAIDI MENGIKUT KAWASAN DI PULAU PINANG (2023-2024)

KAWASAN	INDEKS SAIDI (MINIT)		PUNCA	PERATUSAN (%)
	TAHUN 2023	TAHUN 2024* (SEHINGGA APRIL)		
Negeri Pulau Pinang	39.07	34.62	Kabel	93.1
			Pencawang	4.8
			Talian atas	2.1
Seberang Jaya	32.10	35.30	Kabel	92.6
			Pencawang	2.0
			Talian atas	4.4
Bertam	65.67	55.52	Kabel	86.7
			Pencawang	13.3
Nibong Tebal	52.25	46.69	Kabel	89.7
			Pencawang	6.9
			Talian atas	3.4
George Town	37.34	33.64	Kabel	97.0
			Pencawang	3.0
Bayan Baru	28.26	10.33	Kabel	91.7
			Pencawang	8.3

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

6. Nyatakan jumlah cukai korporat yang dibayar oleh PDC setiap tahun sejak tahun 2007.
- (a) Nyatakan sebab pembayaran cukai naik dalam lima tahun selepas tahun 2018 berbanding dengan 10 tahun sebelum ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Berdasarkan maklumat oleh Penang Development Corporation (PDC), jumlah cukai korporat yang dibayar setiap tahun sejak tahun 2007 adalah seperti berikut:-

Tahun	Cukai yang dibayar RM juta
2007	11.77
2008	-
2009	-
2010	0.36
2011	1.41
2012	0.52
2013	1.09
2014	-
2015	-
2016	-
2017	2.41
2018	21.94
2019	33.98

2020	28.70
2021	48.50
2022	70.73
Jumlah	221.40

- (a) Sebab-sebab utama pembayaran cukai PDC meningkat adalah seperti berikut:
- (i) Peningkatan keuntungan daripada aktiviti utama PDC terutamanya dari penjualan tanah;
 - (ii) Peningkatan hasil daripada pajakan tanah jangka panjang yang diterima secara prabayar untuk keseluruhan tempoh pajakan di mana cukai dikenakan ke atas keseluruhan hasil diterima dalam tahun taksiran dan bukannya mengikut pelunasan hasil tahunan dalam penyata pendapatan;
 - (iii) Bayaran faedah pinjaman tidak dibenarkan sebagai tolakan cukai kerana tanah di kawasan BKIP2 & BKIP3 masih belum dijual; dan
 - (iv) PDC dikenakan cukai makmur, 33% pada tahun 2022 bagi pendapatan bercukai melebihi RM100 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

7. Nyatakan apakah *Penang IC Design & Software Park* yang dicadangkan dengan menyatakan insentif yang ditawarkan baik dalam aspek percukaian, kos operasi ataupun kemudahan dana modal *venture capital*.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu dan Digital merupakan komitmen negeri Pulau Pinang untuk menarik pelaburan Reka Bentuk Litar Bersepadu, penyelidikan dan pembangunan, Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) dan teknologi digital yang berimpak tinggi. Ini selanjutnya dapat memberikan peluang kepada bakat tempatan untuk kekal berkhidmat di negeri Pulau Pinang.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bersama InvestPenang kini dalam proses untuk meneliti pakej insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi projek yang sama di Bandar Puteri, Puchong sebelum sebarang insentif untuk ditawarkan kepada syarikat-syarikat atau pelabur-pelabur yang berpotensi. Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan agensi Kerajaan Persekutuan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dengan mengadakan perbincangan khusus dengan syarikat *venture capital* bagi membantu pelabur baharu mendapatkan insentif dan geran yang bersesuaian dengan industri ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

8. Nyatakan tarikh mesyuarat Lembaga Pengarah PDC dan senarai Ahli Lembaga Pengarah yang hadir dan bersetuju meluluskan penjualan 1,067 ekar tanah di Byram / Changkat, Seberang Perai Selatan kepada UMECH Land Sdn. Bhd. tanpa tender terbuka dan sebabnya satu penilaian *due diligence* tidak dilakukan sebelum perjanjian penjualan ditandatangani.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. *Joint Development Agreement* (JDA) di antara Penang Development Corporation (PDC) dengan UMECH Land hanya melibatkan tanah seluas 558.96 ekar dan bukannya 1,067 ekar.

Tarikh Mesyuarat Lembaga PDC bil 1/2023 yang bersidang pada 9 Februari 2023 telah meluluskan cadangan pihak pengurusan bagi penjualan tanah secara kolaborasi bersama pihak UMECH Land Sdn. Bhd. secara berprinsip yang dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah seperti di bawah:

- (a) YAB Tuan Chow Kon Yeow (Pengerusi);
- (b) YB Dato' Ir. Hj Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman;
- (c) YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy;
- (d) YB Puan Zabidah binti Safar;
- (e) YB Dato' Hj Abdul Halim bin Hj Hussain;
- (f) YB Tuan Zairil Khir Johari;

- (g) YBhg. Dato' Seri Lee Kah Choon;
- (h) YBhg. Datuk Hanafi bin Sakri (Melalui MS *Teams*);
- (i) Encik Mohd Sukri bin Mat Jusoh.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

9. Nyatakan sebab utama UMECH Land Sdn Bhd dipilih untuk membeli 1,067 ekar tanah Penang Development Corporation (PDC) di Byram / Changkat bila ia adalah sebuah syarikat *dormant* (tidak aktif) dan prestasi kewangan yang tidak memuaskan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. *Joint Development Agreement* (JDA) di antara Penang Development Corporation (PDC) dengan UMECH Land Sdn. Bhd. hanya melibatkan tanah seluas 558.96 ekar dan bukannya 1,067 ekar.

Soalan bagi perkara yang melibatkan isu UMECH telah dijawab sepenuhnya di dalam persidangan DUN yang lalu. Pihak PDC telah membatalkan perjanjian ini dan kini tender *Request for Proposal* (RFP) telah dibuka semula dan sedang di dalam proses penilaian tender.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

10. Nyatakan status kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan jumlah yang dihutang kepada PDC dengan maklumat terperinci tentang hutang ini dan bilakah ia akan dibayar?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2023 masih dalam proses pengauditan oleh Jabatan Audit Negara. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2023 (belum diaudit) adalah berjumlah RM1,466.04 juta, menurun sebanyak RM393.22 juta berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM1,859.26 juta.

Untuk tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2023, Kerajaan Negeri tidak mempunyai hutang yang perlu dilunaskan kepada PDC. Walau bagaimanapun, PDC telah pun diluluskan untuk menerima pinjaman sebanyak RM100 juta dari Kerajaan Negeri bagi tujuan membiayai sebahagian kos Projek *GBS By The Sea*. Tempoh pinjaman adalah selama 22 tahun, dengan pengeluaran pinjaman yang pertama berjumlah RM20 juta dibayar dalam tahun 2023 dan pengeluaran pinjaman yang kedua berjumlah RM15 juta dibayar dalam tahun 2024.

Melalui perjanjian pinjaman yang telah ditandatangani, PDC dijadualkan untuk membuat bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri ini mulai tahun 2026 dan bayaran balik pinjaman ini akan selesai pada tahun 2045.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

11. Nyatakan jumlah geran yang diberikan kepada agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan oleh Kerajaan Negeri setiap tahun sejak tahun 2017 dengan memberikan senarai terperinci.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. Peruntukan tahunan kepada Agensi Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) adalah antara RM56.77 juta hingga RM96.16 juta bermula dari tahun 2017 hingga 2024. Sementara itu, bermula dari tahun 2017 hingga 2024, Kerajaan Negeri secara keseluruhannya telah menyalurkan semula peruntukan sumbangan membantu kadar yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) masing-masing sebanyak RM14.5 juta dan RM1.716 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri secara keseluruhannya telah memperuntukkan sejumlah RM2.94 juta ke atas Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan dari tahun 2017 hingga 2024. Senarai terperinci jumlah geran yang diberikan kepada Agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan oleh Kerajaan Negeri setiap tahun sejak tahun 2017 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**Pemberian Geran Oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi / Anak Syarikat /
Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2017 Hingga Tahun 2024**

Bil	Tajuk	Perbelanjaan	Perbelanjaan	Perbelanjaan	Perbelanjaan	Perbelanjaan	Perbelanjaan	Anggaran	Anggaran	Penjajaran
		Tahun 2017	Tahun 2018	Tahun 2019	Tahun 2020	Tahun 2021	Tahun 2022	Tahun 2023	Tahun 2024	Tahun 2024
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
1	Penang Global Tourism Sdn Bhd	8,361,300.00	7,361,300.00	7,400,000.00	7,050,000.00	7,400,000.00	7,400,000.00	7,400,000.00	7,000,000.00	6,000,000.00
2	Penang International Convention & Exhibition Bureau (PICEB)	1,000,000.00	1,600,000.00	1,600,000.00	1,600,000.00	1,600,000.00	1,600,000.00	1,600,000.00	5,000,000.00	3,868,000.00
3	George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) - Mengurus (termasuk GTHC) - George Town Festival	3,878,600.00 4,500,000.00	7,200,000.00 4,500,000.00	1,500,000.00 1,500,000.00	3,645,000.00 1,500,000.00	3,700,000.00 1,450,000.00	3,700,000.00 1,500,000.00	3,700,000.00 1,500,000.00	3,000,000.00 1,000,000.00	3,500,000.00
4	Penang Woman Development Corporation (PWDC)	375,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	2,500,000.00	2,500,000.00	2,500,000.00	2,000,000.00	1,500,000.00
5	HARMONICO	-	-	-	-	319,621.18	1,100,000.00	1,300,000.00	1,300,000.00	1,150,000.00
6	Digital Penang	-	-	-	596,790.98	2,100,000.00	3,850,000.00	4,500,000.00	4,000,000.00	3,500,000.00
7	Penang STEM	282,000.00	505,000.00	500,000.00	560,000.00	410,000.00	630,000.00	630,000.00	600,000.00	600,000.00
8	Penang Science Cluster	6,000.00	1,514,296.00	903,168.00	0.00	351,230.00	680,000.00	680,000.00	800,000.00	400,000.00
9	Penang Tech Centre Bhd (Tech Dome)	412,000.00	1,168,400.00	450,000.00	450,000.00	650,000.00	850,000.00	850,000.00	850,000.00	850,000.00
10	Penang Green Council (PGC Strategies Sdn Bhd)	1,500,000.00	3,695,000.00	-	500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	2,000,000.00	2,000,000.00	1,500,000.00
11	Penang Youth Development Corporation (PYDC)	820,000.00	1,820,000.00	820,000.00	820,000.00	1,000,000.00	1,700,000.00	1,700,000.00	1,500,000.00	700,000.00
12	Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP)/PFC	10,500,000.00	11,356,481.63	6,684,669.98	8,878,131.85	10,166,786.28	11,000,000.00	8,000,000.00	8,000,000.00	8,000,000.00
13	PIHH Development Sdn Bhd (Halal Hub)/PHI	500,000.00	500,000.00	500,000.00	500,000.00	1,000,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	1,800,000.00	1,500,000.00
14	PTMP/PICSB	-	-	-	3,305,350.00	8,736,495.90	7,695,710.00	8,000,000.00	8,000,000.00	8,000,000.00
15	Invest Penang	-	4,000,000.00	-	1,000,000.00	1,800,000.00	1,750,000.00	1,800,000.00	1,800,000.00	1,500,000.00
16	Penang Institute	4,935,011.80	4,894,089.00	5,500,000.00	4,050,000.00	5,500,000.00	2,600,000.00	5,500,000.00	5,500,000.00	3,850,000.00
17	Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP)	800,000.00	800,000.00	800,000.00	800,000.00	1,100,000.00	1,600,000.00	1,600,000.00	1,600,000.00	1,120,000.00
18	Perbadanan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang	8,000,000.00	8,000,000.00	8,000,000.00	8,000,000.00	8,000,000.00	8,000,000.00	8,000,000.00	8,000,000.00	5,600,000.00
19	Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang	-	-	-	2,000,000.00	5,000,000.00	3,000,000.00	7,000,000.00	5,000,000.00	3,500,000.00
20	Lembaga Wakaf Hindu	1,170,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00
21	Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang	9,250,170.00	9,189,630.00	8,717,500.00	8,804,600.00	9,302,500.00	12,000,000.00	13,000,000.00	13,000,000.00	9,100,000.00
22	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	1,650,000.00	1,650,000.00	1,650,000.00	1,650,000.00	1,650,000.00	1,650,000.00	1,650,000.00	2,000,000.00	1,155,000.00
23	Majlis Sukan Negeri	5,568,000.00	5,568,000.00	7,000,000.00	7,000,000.00	7,000,000.00	13,000,000.00	10,000,000.00	12,000,000.00	7,000,000.00
24	Penang Philharmonic	250,000.00	250,000.00	250,000.00	250,000.00	250,000.00	250,000.00	250,000.00	250,000.00	125,000.00
25	George Town Consevation & Development Corporatio	-	-	-	-	-	-	-	1,000,000.00	850,000.00
	JUMLAH	63,758,081.80	78,572,196.63	56,775,337.98	65,959,872.83	83,986,633.36	92,555,710.00	96,160,000.00	98,500,000.00	76,368,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

12. Nyatakan kedudukan projek Taman Gurney Bay, sebabnya ia lewat dan diberikan lanjutan masa, denda lewat yang dikenakan dan tindakan yang diambil untuk memperbaiki mutu kerja yang tidak memuaskan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Pembangunan Projek Gurney Bay dibahagikan kepada dua (2) fasa. Fasa 1 telah dibuka kepada orang awam mulai 04 Februari 2024 dan sijil *Certificate of Partial Occupation* (CPO) telah dikeluarkan pada 5 Februari 2024. Fasa 2 sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada 2 Oktober 2024.

Terdapat kelewatan dalam penyiapan projek bagi Fasa 1. Tarikh siap asal Fasa 1 adalah pada 30 Mac 2023. Butiran Lanjutan Masa (EOT) yang telah dikeluarkan untuk Fasa 1 adalah seperti berikut:

Lanjutan Masa (EOT)	Sebab	Tempoh
Lanjutan Masa No. 1	Kerja tambahan struktur <i>seawall</i> di Fasa 1 Zon 3	60 hari
Lanjutan Masa No. 2	Kerja tambahan <i>revetment works</i>	36 hari
Lanjutan Masa No. 3	Kerja tambahan <i>rock excavation</i> sedia ada dari longkang <i>monsoon</i> untuk kerja cerucuk untuk membina longkang W1, Dinding A dan Dinding B	26 hari

Jumlah denda yang telah dikenakan ke atas kontraktor bagi Fasa 1 adalah sebanyak RM1,609,157.55 (RM24,756.27 x 65 hari).

Tindakan yang diambil untuk memperbaiki mutu kerja pihak kontraktor adalah seperti berikut :

- (a) Pihak JKR melalui perunding yang dilantik telah mengeluarkan *Non-Conformance Product* (NCP) terhadap ketidakpatuhan bagi kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Pihak kontraktor perlu melaksanakan tindakan pembetulan bagi setiap NCP yang telah dikeluarkan;
- (b) Pihak JKR sentiasa memantau prestasi kerja kontraktor di tapak dan telah mengeluarkan surat amaran kepada pihak kontraktor terhadap kelewatan dan prestasi kemajuan kerja yang tidak memuaskan; dan
- (c) Pembayaran bagi kemajuan kerja tidak diluluskan selagi mana tindakan pembaikan terhadap NCP yang dikeluarkan tidak diselesaikan oleh pihak kontraktor.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

13. Nyatakan tentang kedudukan kewangan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, bilangan kakitangan, kos operasi dan status projek yang dijalankan.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) ditubuhkan sebagai Badan Berkanun Diasingkan Saraan dan Dibebeaskan (BBDSB) selaras dengan keputusan mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara pada 11 April 2018. Pengoperasian LPNPP bermula pada 1 Januari 2021. Pada awal penubuhannya, selain membantu menyumbang hasil pendapatan kepada Kerajaan Negeri, LPNPP memerlukan bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri bagi memastikan kelangsungan operasi dengan menerima geran tahunan Kerajaan Negeri sehingga tahun keempat penubuhan yang melibatkan Belanja Mengurus sebanyak RM13.0 juta setahun untuk menampung kos pengoperasian. Belanja Pembangunan dan Akaun-akaun Amanah pula akan membantu kelancaran LPNPP untuk menguruskan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) milik Kerajaan Negeri selaras dengan Seksyen 49(2), Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010, Enakmen 13. Selaras dengan Seksyen 38, Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010, Enakmen 13, penyata kewangan LPNPP akan diaudit oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah Seksyen 38(2), Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010, Enakmen 13 dan seterusnya ia akan dibentangkan bersama Laporan Tahunan LPNPP dalam

persidangan Dewan Undangan Negeri selaras kehendak Seksyen 40, Enakmen 13.

Sehingga 30 April 2024, pengisian jawatan di LPNPP adalah seramai 88 orang yang melibatkan dua (2) kategori masing-masing iaitu peminjaman seramai sembilan (9) orang pegawai daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta 79 orang pengisian secara tetap di LPNPP.

Mesyuarat Lembaga Pengarah LPNPP juga telah meluluskan rangka Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP Tahun 2021 - 2030 (atau dikenali sebagai Rumah Mampu Milik Penang [RMMPg]) bagi memastikan LPNPP mencapai objektif penubuhannya dalam menjana pembangunan projek-projek RMM dan projek-projek rintis Pembaharuan Semula Bandar (URC). Sejumlah 14 buah projek telah dikenal pasti dengan komposisi sembilan (9) buah projek RMM dan lima (5) buah projek URC. Senarai 14 buah projek tersebut yang telah dimasukkan dalam *Rolling Plan* LPNPP adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Sejumlah 30,192 unit mengikut kategori RMM telah dikenal pasti untuk dibangunkan di bawah RMMPg seperti di **Jadual 1** berikut:


Jadual 1: Bilangan unit yang dikenal pasti mengikut kategori RMM untuk dibangunkan di bawah RMMPg.

KATEGORI RMM	BIL. UNIT
RMM A	4,066
RMM B	7,606
RMM C	18,520
JUMLAH	30,192


Sehingga kini, LPNPP telah selesai melantik pemaju bagi projek-projek RMM Bukit Gedong, RMM Permatang Tinggi dan URC Mahsuri. Pelantikan pemaju-pemaju ini telah dibuat secara proses terbuka melalui *Request For Proposal* (RFP). Bagi projek-projek lain, LPNPP telah memulakan gerak kerja bagi memastikan kejayaan pencapaian RMMPg ini.

LAMPIRAN A

Rajah 1: Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP Tahun 2021 – 2025



Rajah 2: Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP Tahun 2026 – 2030



LAMPIRAN A**Jadual 1: Senarai Projek di bawah RMMPg Tahun 2021 hingga 2025**

PELAN INDUK RUMAH MAMPU MILIK PULAU PINANG (RMMPg) DI BAWAH PELAN INDUK PEMBANGUNAN PERANCANGAN LPNPP 2021 HINGGA 2025				
RP 1 (2021)	RP 2 (2022)	RP 3 (2023)	RP 4 (2024)	RP 5 (2025)
RMM BUKIT GEDONG	URC MAK MANDIN	URC SIAKAP	RMM UJONG BATU	RMM JURU
URC MAHSURI	-	RMM PERAI	-	-
RMM PERMATANG TINGGI	-	RMM BUKIT MERTAJAM	-	-

Jadual 2: Senarai Projek di bawah RMMPg Tahun 2026 hingga 2030

PELAN INDUK RUMAH MAMPU MILIK PULAU PINANG (RMMPg) DI BAWAH PELAN INDUK PEMBANGUNAN PERANCANGAN LPNPP 2026 HINGGA 2030				
RP 1 (2026)	RP 2 (2027)	RP 3 (2028)	RP 4 (2029)	RP 5 (2030)
RMM KAMPUNG TERUS	RMM BATU KAWAN	RMM KOTA GIAM	-	URC PADANG TEMBAK
-	-	URC FREE SCHOOL	-	-

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

14. Nyatakan status kemajuan projek tambakan laut seluas 650 hektar di Bagan Ajam, Butterworth serta apakah usaha oleh pihak Kerajaan negeri untuk mempercepatkan projek ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Pihak syarikat pemaju telah mengusulkan cadangan susun atur Pelan Induk yang baharu kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) pada 24 April 2024 dan seterusnya akan mengemukakan Pelan Induk yang baharu untuk perhatian dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

15. Nyatakan kekerapan gangguan bekalan air atau tekanan air rendah di Pulau Pinang untuk lepas dan nyatakan kawasan-kawasan yang terjejas untuk kawasan Parlimen Bagan dan KADUN Air Putih.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah merekodkan jumlah kekerapan gangguan bekalan air atau tekanan air rendah pada tahun 2023 di Parlimen Bagan adalah sebanyak 409 bilangan aduan gangguan bekalan air dan 86 aduan berkaitan dengan tekanan air. Manakala jumlah kekerapan gangguan bekalan air atau tekanan air di KADUN Air Putih adalah sebanyak 101 bilangan aduan gangguan bekalan air dan 18 bilangan aduan berkaitan tekanan air. Kawasan-kawasan yang terjejas untuk kawasan Parlimen Bagan dan KADUN Air Putih adalah seperti rekod berikut yang dijana melalui rekod aduan yang diterima daripada pusat panggilan (24) jam PBAPP:

(a) Parlimen Bagan (P043)

Kawasan	Bil. Aduan Gangguan Bekalan Air	Bil. Aduan Tekanan Air
Bagan Dalam (N09)	172	9
Bagan Jermal (N08)	143	33
Sungai Puyu (N07)	94	44
Jumlah	409	86

(b) KADUN Air Putih (N23)

Kawasan	Bil. Aduan Gangguan Bekalan Air	Bil. Aduan Tekanan Air
Air Itam	64	10
Bukit Bendera	30	5
Lain-lain	7	3
Jumlah	101	18

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

16. Nyatakan kedudukan permohonan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan untuk sebuah Zon Kewangan Khas serupa dengan Forest City di Johor Baru boleh didirikan untuk negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Pada masa ini, tiada perbincangan khusus diadakan untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang memohon Zon Kewangan Khas kepada Kerajaan Persekutuan sepertimana Forest City di Johor Bahru.

Walau bagaimanapun, prospek penubuhan Zon Kewangan Khas di Pulau Pinang sebagai enjin pertumbuhan kini sedang dikaji oleh Penang Institute (PI).

Kajian ini menilai *Government Linked Company* (GLC) Pulau Pinang dan sentimen perniagaan mengenai Zon Kewangan Khas, dan jika penubuhan zon akan meningkatkan kecekapan perniagaan, memacu suntikan modal dan menghapuskan halangan kepada perdagangan.

Perspektif GLC dan sektor perniagaan akan menambah pengetahuan kepada literatur sedia ada untuk negeri Pulau Pinang.

Pada masa ini, penyelidikan sedang dalam peringkat perundingan pihak berkepentingan. Seterusnya, perundingan akan diadakan bersama dengan industri. Penyelidikan ini juga akan meninjau kisah kejayaan penubuhan Zon Ekonomi Khas di negara lain seperti China dan Korea Selatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

17. Nyatakan jumlah wang yang akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan *Penang IC Design & Software Park* dan insentif yang akan dipohon daripada Kerajaan Persekutuan serupa dengan tawaran insentif oleh IC Design Park Selangor?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan InvestPenang telah mengumumkan pelan untuk mewujudkan *Penang IC Design and Digital Park* di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Projek seluas 42.5 hektar itu terdiri daripada dua (2) fasa dan menawarkan sejumlah sejuta kaki persegi ruang pejabat premium untuk menarik dan menempatkan projek berimpak tinggi merangkumi reka bentuk litar bersepadu (*IC Design*), penyelidikan dan pembangunan (*R&D*), Perkhidmatan Perniagaan Global (*GBS*), pelaburan teknologi digital dan ekosistem ekonomi kitaran. Antara perancangan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:
- (a) Pembangunan Fasa Pertama sedang dijalankan dan dijangka siap pada suku keempat tahun 2024. Ia merangkumi dua (2) bangunan pejabat iaitu *GBS By The Sea* dan *GBS TechSpace* seluas 350,000 kaki persegi dengan pelaburan sebanyak RM347.0 juta;

- (b) Pembangunan Fasa Kedua pula melibatkan pembinaan *GBS TechnoPlex* yang akan menyediakan ruang pejabat bersaiz 500,000 kaki persegi dengan kos pembinaan sebanyak RM308.0 juta. Projek ini dijangka siap menjelang tahun 2027;
- (c) Memastikan keperluan prasarana adalah sesuai untuk para pelabur. Hal ini termasuk memastikan bangunan yang disediakan itu mempunyai kemudahan infrastruktur dari segi pembekalan elektrik dan komunikasi seperti *broadband* yang kompetitif, ruang lantai yang sesuai bagi menjalankan aktiviti berkaitan dan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk bangunan berstatus “Malaysia Digital”;
- (d) Memperkenalkan kadar sewa bersubsidi untuk ruang pejabat milik PDC khususnya kepada pemain industri tempatan;
- (e) Menyediakan insentif dan geran bagi meningkatkan ekosistem IC dan Digital. Inisiatif ini akan dimasukkan dalam pakej insentif lengkap yang akan diumumkan kemudian; dan
- (f) Mewujudkan syarikat pemula teknologi tempatan bagi mengasah kemahiran dalam sektor IC *Design* serta bidang penyelidikan dan pembangunan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

18. Nyatakan senarai syarikat-syarikat yang berpangkalan di Pulau Pinang dalam *front-end*, khususnya *IC Design* dan *Wafer Fabrication*.
- (a) Apakah usaha dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan mereka memperluaskan operasi dalam negeri Pulau Pinang dan bukannya berhijrah ke negeri lain?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Syarikat-syarikat yang berpangkalan di Pulau Pinang dalam *front-end*, khususnya *IC Design* dan *Wafer Fabrication* adalah seperti yang disenaraikan di **LAMPIRAN A**.
- (a) Berikut merupakan usaha dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pelabur sedia ada dapat memperluaskan operasi di negeri Pulau Pinang:
- (i) Memantapkan khidmat *hand holding programme* dengan memastikan kesenangan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang kekal tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Hal ini termasuk membantu para pelabur sedia ada dalam mencari lokasi pilihan mereka bagi mengembangkan operasi dan menghubungkan para pelabur dengan agensi Negeri / Persekutuan dalam aspek pemberian insentif, bantuan permohonan visa ekspatriat, pengambilan pekerja baharu dan sebagainya;

- (ii) Menyediakan rancangan strategik untuk menarik bakat baharu dan mengekalkan bakat sedia ada dalam *IC Design* melalui kerjasama dengan institusi latihan dan juga institusi pengajian tinggi di samping membimbing graduan ke arah laluan kerjaya yang tepat;
- (iii) Menganjurkan misi pelaburan ke luar negara khusus untuk mengadakan pertemuan dengan pelabur-pelabur sedia ada bagi membincangkan pelan untuk mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang. Antara negara-negara yang bakal diberikan tumpuan dalam misi pelaburan ini adalah negara Amerika Syarikat, Taiwan, Singapura dan Eropah; dan
- (iv) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan InvestPenang telah mengumumkan pelan untuk mewujudkan *Penang IC Design and Digital Park* di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Projek seluas 42.5 hektar itu terdiri daripada dua (2) fasa dan menawarkan sejumlah sejuta kaki persegi ruang pejabat premium untuk menarik dan menempatkan projek berimpak tinggi merangkumi Reka Bentuk Litar Bersepadu (*IC Design*), Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS), Pelaburan Teknologi Digital dan Ekosistem Ekonomi Kitaran. Antara perancangan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - 1) Pembangunan Fasa Pertama sedang dijalankan dan dijangka siap pada suku keempat tahun 2024. Ia merangkumi dua (2) bangunan pejabat iaitu *GBS By The Sea* dan *GBS TechSpace* seluas 350,000 kaki persegi dengan pelaburan sebanyak RM347.0 juta;
 - 2) Pembangunan Fasa Kedua pula melibatkan pembinaan *GBS TechnoPlex* yang akan menyediakan ruang pejabat bersaiz 500,000 kaki persegi dengan kos pembinaan sebanyak RM308.0 juta. Projek ini dijangka siap menjelang tahun 2027;

- 3) Memastikan keperluan prasarana adalah sesuai untuk para pelabur. Hal ini termasuk memastikan bangunan yang disediakan itu mempunyai kemudahan infrastruktur dari segi pembekalan elektrik dan komunikasi seperti *broadband* yang kompetitif, ruang lantai yang sesuai bagi menjalankan aktiviti berkaitan dan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk bangunan berstatus *Malaysia Digital*;
- 4) Memperkenalkan kadar sewa bersubsidi untuk ruang pejabat milik PDC khususnya kepada pemain industri tempatan;
- 5) Menyediakan insentif dan geran bagi meningkatkan ekosistem *IC* dan Digital. Inisiatif ini akan dimasukkan dalam pakej insentif lengkap yang akan diumumkan kemudian; dan
- 6) Mewujudkan syarikat pemula teknologi tempatan bagi mengasah kemahiran dalam sektor *IC Design* serta bidang penyelidikan dan pembangunan.

**SENARAI SYARIKAT DI PULAU PINANG YANG TERLIBAT DALAM
PROSES REKA BENTUK LITAR BERSEPADU *IC DESIGN* DAN
FABRIKASI WAFER (ELEKTRONIK) *WAFER FABRICATION***

BIL	NAMA SYARIKAT
1	TF AMD Microelectronics Sdn. Bhd.
2	Apex Semiconductor Sdn. Bhd.
3	Capgemini Services Malaysia Sdn. Bhd.
4	Efinix Technology (M) Sdn. Bhd.
5	Experior Technology Sdn. Bhd.
6	Infinecs Systems Sdn. Bhd.
7	Intel Technology Sdn. Bhd.
8	Lattice Semiconductor Sdn. Bhd.
9	Microchip Operation (Malaysia) Sdn. Bhd.
10	Nexperia R&D Malaysia Sdn.Bhd.
11	Oppstar Technology Sdn. Bhd.
12	PixArt Imaging (Penang) Sdn. Bhd.
13	SkyeChip Sdn. Bhd.
14	StarFive Technology International Sdn. Bhd.
15	Synapse Quest Sdn. Bhd.
16	Tech Mahindra Cerium Systems Sdn. Bhd
17	Tessolve Semiconductor Sdn. Bhd.
18	UST Global (Malaysia) Sdn. Bhd.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

19. Nyatakan hasil tender terbuka tanah di Byram / Changkat dan sebabnya penjualan semula oleh PDC ini hanya 559 ekar dan bukannya 1,067 ekar yang ditawarkan sebelum ini dijual tanpa tender terbuka kepada UMECH Construction Sdn Bhd.
- (a) Bukankah tanah yang lebih kecil ini akan menjejaskan harga yang dibida oleh para pembeli?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

19. *Joint Development Agreement* (JDA) di antara PDC dengan UMECH Land hanya melibatkan tanah seluas 558.96 ekar dan bukannya 1,067 ekar.

Penjualan tanah lebih kecil adalah kerana sebahagian lagi tanah terlibat dengan kes mahkamah dengan pemilik asal Sime Darby Plantation Berhad. Keluasan tanah ini tidak menjejaskan harga rezab yang ditetapkan serta tidak mengurangkan minat pelabur.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

20. Nyatakan apakah kelemahan-kelemahan yang wujud dalam penjualan 1,067 ekar tanah PDC di Byram / Changkat secara langsung kepada UMECH Land Sdn Bhd oleh PDC sehingga menyebabkan ia dibatalkan.
- (a) Siapakah peguam yang memberikan nasihat meluluskan penjualan ini kepada UMECH Land Sdn Bhd oleh Lembaga Pengarah PDC?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. *Joint Development Agreement* (JDA) di antara PDC dengan UMECH Land hanya melibatkan tanah seluas 558.96 ekar dan bukannya 1,067 ekar.

Tiada kelemahan yang berlaku kerana pelaksanaan projek ini mengikut amalan biasa yang dilaksanakan oleh PDC sebelum ini. Namun terdapat sedikit lompongan berkaitan kawalan penstrukturan ekuiti syarikat di mana syarat tersebut dimasukkan dalam surat perjanjian, tetapi tidak dinyatakan dalam surat tawaran. Cara ini adalah berdasarkan amalan PDC sebelum ini dan tidak pernah timbul sebarang masalah. Berdasarkan pengalaman dalam kes UMECH, PDC telah meletakkan syarat kawalan penstrukturan ekuiti di dalam surat tawaran.

- (a) PDC hanya menggunakan khidmat perundangan dalaman bagi menghalusi JDA tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

21. Nyatakan bilangan bandaraya luar negeri yang mempunyai hubungan bandaraya berkembar atau mesra dengan negeri Pulau Pinang, MBPP atau MBSP, nyatakan bandaraya luar negeri tersebut dan manfaat yang diperolehi.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Bilangan bandar raya luar negara yang mempunyai hubungan bandar raya berkembar atau mesra dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melibatkan sebanyak 16 buah bandar raya. Perincian berkenaan bandar raya-bandar raya tersebut mengikut PBT adalah seperti berikut :

MBPP

No.	Bandar Raya & Negara	Jenis Hubungan
1.	Adelaide, Australia	<i>Sister City</i>
2.	Medan, Indonesia	<i>Sister City</i>
3.	Xiamen, China	<i>Sister City</i>
4.	Taipei, Taiwan	<i>Friendship City</i>
5.	Kaohsiung, Taiwan	<i>Friendship City</i>
6.	Bangkok, Thailand	<i>Friendship City</i>
7.	Zhongshan, China	<i>Friendship City</i>
8.	Yogyakarta, Indonesia	<i>Friendship City</i>
9.	Changwon, Korea	<i>Friendship City</i>

10.	Phuket, Thailand	<i>Friendship City</i>
11.	Sanya, China	<i>Friendship City</i>
12.	Chengdu, China	<i>Friendly Cooperative Relationship</i>

MBSP

No.	Bandar Raya & Negara	Jenis Hubungan
1.	Fremantle, Australia	<i>Sister City</i>
2.	Gwangju, Korea	<i>Friendship City</i>
3.	Yokohama, Jepun	<i>Friendship City</i>
4.	Seoul, Korea	<i>Friendship City</i>

Antara manfaat yang diperoleh daripada hubungan ini adalah seperti berikut:

- (1) Penyertaan wakil *Sister City* dan *Friendship City* dalam program yang dianjurkan oleh PBT Pulau Pinang;
- (2) Menerima jemputan daripada *Sister City* dan *Friendship City* untuk menghadiri program-program yang dianjurkan dan dibiayai oleh mereka;
- (3) Mempelajari dan bertukar pendapat mengenai amalan-amalan terbaik yang boleh diamalkan di PBT Pulau Pinang;
- (4) Menyertai program pertukaran pegawai PBT untuk mendapat pengetahuan dan pengalaman baharu; dan
- (5) Mempromosikan Negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa dari segi pendidikan, pelancongan dan perdagangan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

22. Nyatakan apakah usaha untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dalam *hot spot* kesesakan trafik di negeri Pulau Pinang dalam kawasan Pulau dan Seberang Perai menjelang pembinaan LRT kerana ia tidak harus dibiarkan begitu sahaja.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Antara usaha-usaha untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dalam 'hot spot' kesesakan trafik di negeri Pulau Pinang dalam kawasan Pulau dan Seberang Perai menjelang pembinaan LRT adalah seperti berikut:-
- (a) Melaksanakan jalan sehalu dengan tempat letak kenderaan bagi melancarkan pergerakan aliran lalu lintas terutama di kawasan tumpuan dari masa ke semasa;
 - (b) Melaksanakan jalan sehalu mengikut had masa di kawasan sekolah bagi melancarkan pergerakan aliran lalu lintas pada waktu masuk dan keluar sesi persekolahan;
 - (c) Melaksanakan aktiviti pelebaran jalan/ membuang bahu jalan dengan tujuan mewujudkan tempat letak kenderaan di sepanjang jalan bagi mengelakkan perletakan kenderaan yang menghalang aliran lalu lintas;
 - (d) Menyusun semula aliran keluar masuk persimpangan dengan mengurangkan konflik lalu lintas bagi melancarkan pergerakan kenderaan;

- (e) Melaksanakan sistem letak kereta secara pintar, *Penang Smart Parking*;
- (f) Mensyaratkan kepada pemaju untuk menjalankan kajian impak lalulintas dan melaksanakan penambahbaikan lalu lintas;
- (g) Menjalankan kajian lalulintas di 44 lokasi di Seberang Perai yang mengalami kesesakan lalulintas yang kritikal;
- (h) Penempatan pegawai Warden Lalu lintas di lokasi kritikal kesesakan lalu lintas untuk mengawal keadaan lalu lintas bagi memastikan kesesakan lalu lintas yang berlaku berada di tahap yang paling minima.
- (i) Pelaksanaan *greenwave* di beberapa lokasi *hotspot* seperti di zon-zon Perindustrian yang sesak sewaktu puncak.

Di samping itu, MBPP sedang melaksanakan projek pemasangan sistem lampu isyarat pintar di Jalan Tanjong Tokong, Jalan Tanjong Bungah dan kawasan Bayan Baru. Tujuan projek ini adalah untuk mengurangkan tempoh perjalanan kenderaan dan melancarkan aliran lalu lintas di kawasan-kawasan tersebut. Projek ini dijangka akan disiapkan pada bulan Julai 2024.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri menggalakkan penduduk Pulau Pinang menggunakan pengangkutan awam dengan menyediakan perkhidmatan bas percuma melalui *Congestion Alleviation Transport* (CAT) Bridge iaitu laluan KOMTAR ke Bukit Mertajam serta laluan Seberang Jaya ke Bayan Baru dan pas kemudahan perjalanan tanpa had, Pas Mutiara. Kedua-dua inisiatif ini dibiayai Kerajaan Negeri dan disediakan untuk rakyat dengan kerjasama Rapid Penang.

Kerajaan Negeri juga menyediakan perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) KOMTAR khusus bagi penjawat yang bekerja di KOMTAR dengan laluan seperti berikut:-

- (a) Seberang Jaya – KOMTAR;
- (b) Bertam – KOMTAR.
- (c) Jawi – KOMTAR; dan

(d) Balik Pulau - KOMTAR

Selain itu, menggalakkan juga perkhidmatan feri bot laju untuk penumpang dan penunggang motosikal dari George Town ke Seberang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

23. Nyatakan prestasi kewangan Kerajaan Negeri tahun lepas dan tahun ini.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menaikkan cukai taksiran atau cukai pintu dan cukai tanah?
 - (b) Bolehkah rancangan ini ditangguhkan sehingga keadaan ekonomi pulih?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Secara perbandingan, prestasi semasa kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sehingga 30 April 2024 adalah lebih baik berbanding tahun 2023 untuk tempoh yang sama. Hal ini kerana sehingga 30 April 2024, Kerajaan Negeri mencatatkan lebihan sebanyak RM23.99 juta berbanding tahun 2023 yang mencatatkan defisit sebanyak RM136.63 juta. Pencapaian lebihan adalah kerana kutipan hasil negeri bagi tempoh yang sama mencatatkan peningkatan sebanyak RM81 juta, iaitu daripada RM178.74 juta pada tahun 2023 kepada RM259.74 juta pada tahun ini. Pada masa yang sama, perbelanjaan Kerajaan Negeri adalah lebih rendah, iaitu daripada RM315.37 juta pada tahun 2023 kepada RM235.75 juta pada tahun 2024, menurun sebanyak RM79.62 juta.
- (a) Kerajaan Negeri telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut:-
 - (i) Melaksanakan Semakan Sewa (Cukai) Di Bawah Seksyen 101 Kanun Tanah Negara
- Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mempunyai bidang kuasa untuk menyemak sewa (cukai) bagi tanah bermilik tidak

kurang daripada 10 tahun sekali. Cukai tanah di negeri Pulau Pinang telah disemak pada tahun 1970, 1984 dan 1994.

Kali terakhir semakan cukai di negeri Pulau Pinang ialah pada tahun 1994 tetapi ianya hanya berkuatkuasa pada tahun 1996.

PBN pada 20 Mac 2024 telah meluluskan supaya tarikh kuatkuasa semakan cukai di bawah Seksyen 101 Kanun Tanah Negara kali keempat bagi negeri Pulau Pinang ditetapkan pada 1 Januari 2026.

- (ii) Pengkelasan Semula Tanah Desa Ke Tanah Bandar Seksyen 11 (ca) dan (d) Kanun Tanah Negara

PBN berbidangkuasa untuk mengubah atau meminda sempadan mana-mana daerah, daerah kecil, mukim, bandar atau pekan dan/atau menetapkan mana-mana kawasan negeri sebagai bandar atau pekan (selepas pengukuran dilakukan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan atau bagi pihaknya). Pemindaan sempadan ini boleh dilakukan melalui pemberitahuan dalam Warta.

Pelaksanaan ini adalah untuk melihat semula pewartaan bandar-bandar di negeri Pulau Pinang danewartakan bandar-bandar baharu di bawah Seksyen 11 (d) Kanun Tanah Negara dan pindaan bandar sedia ada di bawah Seksyen 11 (ca) Kanun Tanah Negara.

- (iii) Merujuk kepada Seksyen 137(3), Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dikehendaki menyediakan dan menyiapkan sesuatu Senarai Nilai Baru sekali tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh PBN. Senarai nilai sedia ada akan tamat tempoh sah laku pada 31 Disember 2024.

- (b) Semakan semula cukai tanah dan cukai petak perlu dilaksanakan di negeri Pulau Pinang selaras dengan perkembangan semasa dan pertumbuhan ekonomi negara memandangkan tempoh untuk semakan cukai telah melebihi 10 tahun dari tarikh semakan kali terakhir dilaksanakan berdasarkan Seksyen 101(5)(b) Kanun Tanah Negara. Tarikh akhir semakan cukai tanah-tanah bermilik di negeri Pulau Pinang adalah pada tahun 1994 dan dilaksanakan

pada tahun 1996. Pada dasarnya, Majlis Tanah Negara pada mesyuarat bilangan ke-71 bertarikh 18 November 2014 telah memutuskan supaya semua negeri yang belum membuat semakan untuk membuat semakan cukai tanah. Cukai tanah dan cukai petak merupakan salah satu sumber utama hasil kepada Kerajaan Negeri di mana manfaatnya akan dipulangkan kembali kepada rakyat melalui penambahbaikan perkhidmatan dan pembangunan infrastruktur di negeri Pulau Pinang. Penetapan kadar cukai tanah dan cukai petak adalah di bawah bidang kuasa PBN seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara. Kerajaan Negeri akan terus mengalami kerugian ke atas cukai tanah berstatus *First Grade* kerana jika tidak ada semakan cukai dilaksanakan, kadar cukai tidak boleh diubah walaupun tanah *First Grade* telah berubah kegunaannya. Kebanyakan negeri seperti Kedah, Selangor dan Perak telah membuat semakan kali keempat dan masing-masing dikuatkuasakan pemakaiannya pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Negeri Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang masih belum membuat semakan cukai sejak tahun 1994.

Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan, perkara ini masih belum dibincangkan dengan pihak Kerajaan Negeri berhubung cadangan untuk menaikkan cukai taksiran atau cukai pintu.